

22 SEP 2002

Mahathir-Agama/I

ARAFAT HUBUNGI DR MAHATHIR MINTA BANTUAN

Oleh: Wan Ahmad Hulaimi

LONDON, 22 Sept (Bernama) -- Presiden Palestin Yasser Arafat menelefon Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari tempat beliau dikepung di Tebing Barat meminta bantuan sebelum Perdana Menteri berlepas ke sini dari Kuala Lumpur untuk ke Copenhagen bagi menghadiri mesyuarat Asia-Eropah (Asem) pada Isnin.

Dr Mahathir yang singgah di sini pada Sabtu, berkata beliau akan menolong dengan menulis kepada pemimpin-pemimpin Barat bagi memohon campur tangan mereka dalam "keadaan yang amat cukup buruk" setelah tentera Israel mengepung Arafat bersama-sama kira-kira 100 penyokongnya di bangunan pentadbiran yang separuh musnah.

Perdana Menteri bercakap kepada wartawan Malaysia selepas berucap pada kumpulan masyarakat pelbagai agama pimpinan Faith Regen, seorang yang beragama Islam di Masjid Sulaimaniye, di sebuah dari kawasan dalam bandar raya paling miskin di Timur London. Ucapannya itu bertemakan "Kepaduan Pelbagai Agama".

"Arafat memberitahu saya beliau sedang dikenakan perintah seperti tahanan dalam kediaman. Ini keadaan pelik walaupun saya tahu bahawa apa yang mereka lakukan terhadap beliau adalah ekoran letupan bom baru-baru ini oleh pengebom berani mati.

"Walaupun tanpa Arafat, operasi berkenaan akan terus dilakukan kerana mereka bukannya mendapat arahan daripada beliau," kata Dr Mahathir.

"Saya bimbang sekiranya Arafat dibunuh, beliau akan dianggap sebagai pejuang agama dan sebagai seorang yang telah ditindas, dan ini akan membawa kepada lebih banyak keganasan, lebih banyak serangan bom."

Beliau mengulangi gesaan yang beliau buat kepada kuasa-kuasa Barat sebelum ini pada majlis jamuan tengah hari itu supaya mereka mengkaji punca keganasan dan tidak hanya bercakap mengenai meningkatkan langkah-langkah keselamatan.

"Terlalu banyak tumpuan diberikan pada soal keselamatan, bagaimana untuk memperbaiki keselamatan, dan bagaimana menjadikannya tidak gagal. Perkara itu sahaja, tidak akan menyelesaikan masalah penganas. Kita perlu kaji puncunya...kita tidak boleh dirikan halangan setiap masa," katanya.

Dr Mahathir berkata pengalaman Malaysia dalam memerangi keganasan lebih berkesan kerana masalah itu ditangani bukan hanya melalui ketenteraan tetapi juga dengan memenangi hati dan minda rakyat.

Mengenai keadaan itu sekarang, beliau berkata: "Konflik ini akan berterusan untuk jangka masa lama. Dunia akan hidup dalam kebimbangan bagi tempoh yang lama kerana perang terhadap keganasan dilakukan dengan cara yang salah."

Beliau berkata definisi keganasan tidak harus dihadkan kepada perlakuan keganasan sahaja kerana terdapat juga spekulator mata wang yang merupakan penganas ekonomi yang bertindak menjatuhkan nilai mata wang yang telah mengakibatkan banyak pengangguran, rusuhan dan kematian.

"Perbuatan itu sama kejamnya dengan keganasan," kata Dr Mahathir.

Terdahulu pada majlis perjumpaan wakil pelbagai agama itu, seorang tetamu beragama Kristian menyatakan sokongan beliau terhadap penggunaan dinar emas dan perdagangan adil dalam Islam.

"Ada juga orang Kristian -- amat sedikit -- yang berkongsi idea bahawa menggunakan wang untuk raih wang adalah perbuatan jahat. Kami amat kagum dengan anda," katanya kepada Dr Mahathir.

Perdana Menteri menjawab dengan menyatakan bahawa emas, yang mempunyai

nilai intrinsik, akan lebih sukar diserang, walaupun nilainya boleh turun dan naik pada bila-bila masa.

Bagi menjelaskan perkara itu, beliau telah mengeluarkan dinar dengan nilai 500 bilion yang dikeluarkan oleh kerajaan Yugoslav yang bernilai 12 sen Amerika semasa ia dicetak dan tiada nilai langsung pada hari ini.

"Itulah dia mata wang kertas. Ia hanya satu penipuan...sekiranya kita menggunakan dinar emas, peluang bagi orang untuk mempermain-mainkan mata wang itu tidak akan ada (tetapi) sekiranya Encik (Geroge) Soros (spekulator utama semasa krisis kewangan Asia dahulu) mahu menurunkan nilai dinar emas dan beliau mahu menjualnya pada separuh harga, saya bersedia membelinya daripada beliau," katanya sambil disambut gelak ketawa.

Kini, Dr Mahathir berkata sudah terdapat satu atau dua negara di Asia Barat yang melahirkan minat untuk berdagang dengan Malaysia menggunakan asas dinar emas.

"Memang benar bahawa emas sebagai satu komoditi juga akan terdedah kepada spekulasi, tetapi nilainya tidak akan turun seteruk mata wang kertas yang terdedah kepada spekulator," katanya.

Beliau turut menyatakan kepada tetamu pelbagai agama itu dalam ucapan spontannya di masjid itu, bahawa kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara yang penduduknya terdiri pelbagai agama adalah kerana sikap saling menghormati agama penganutnya walaupun wujud golongan ekstremis yang cuba menjejaskan keharmonian.

"Kami percaya -- kami orang Melayu -- percaya bahawa kami adalah fundamentalis Islam. Orang berpendapat bahawa mereka ini kumpulan ekstremis yang gemar melakukan keganasan dan perbuatan sedemikian, tetapi sekiranya kita percaya dengan ajaran sebenar Islam, kita menjadi amat bertolak ansur," katanya.

Sebelum mengakhiri jadualnya yang sibuk di sini sebaik sahaja beliau tiba pagi ini dengan pesawat Penerbangan Malaysia di Heathrow, Dr Mahathir memberitahu wartawan Malaysia bahawa beliau tidak mengharapkan banyak daripada mesyuarat ASEM di Copenhagen tetapi terdapat banyak isu yang boleh dibincangkan.

-- BERNAMA

WAH MFJ RHM MAI